

D.R. 14/2013

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk meminda Akta Penjara 1995.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Penjara (Pindaan) 2013.

Pindaan seksyen 7

2. Akta Penjara 1995 [*Akta 537*], yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, dipinda dalam seksyen 7 dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen yang berikut:

“(1A) Sebagai tambahan, adalah sah bagi Menteri, melalui pemberitahuan dalam *Warta*, untuk menetapkan lokap di mana-mana balai polis dan bangunan mahkamah sebagaimana yang dinyatakan dalam pemberitahuan itu sebagai tempat bagi pengurangan orang yang direman di bawah Akta Pencegahan Jenayah 1959 [*Akta 297*].”.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Penjara 1995 (“Akta 537”).

2. *Fasal 1* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi tajuk ringkas Akta yang dicadangkan.

3. *Fasal 2* bertujuan untuk meminda seksyen 7 Akta 537 untuk memasukkan subseksyen baru (1A) untuk memberi Menteri kuasa untuk menetapkan lokap di mana-mana balai polis dan bangunan mahkamah sebagai tempat bagi pengurungan orang yang direman di bawah Akta Pencegahan Jenayah 1959 [*Akta 297*].

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya belum dapat ditentukan pada masa ini.

[PN(U2)2903F/K]